

CORRUPTION RISK MANAGEMENT

2024

Majlis Bandaraya Kuantan

Kompleks Bandaraya Kuantan
Jalan Tanah Putih 25100 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR
No. Telefon : 09-5121666
No. Faksimile : 09-5130644

www.mbk.gov.my

PENGURUSAN RISIKO RASUAH

2024

Majlis Bandaraya Kuantan

Kompleks Bandaraya Kuantan
Jalan Tanah Putih 25100 KUANTAN
PAHANG DARUL MAKMUR
No. Telefon : 09-5121666
No. Faksimile : 09-5130644

www.mbk.gov.my



CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM) MAJLIS BANDARAYA KUANTAN 2024

KANDUNGAN

I. PENGENALAN

MUKA SURAT

1. MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

1.1 Visi	1
1.2 Misi	1
1.3 Piagam Pelanggan MBK	1
1.4 Piagam Pelanggan Kaunter One Serve	1
1.5 Piagam Pelanggan Pengendalian Aduan Awam	1
1.6 Objektif Penubuhan	2-7
1.7 Fungsi dan Peranan	8-11
1.8 Carta Organisasi	12
1.9 Jabatan Utama MBK	13-16

KANDUNGAN

2. RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH

2.1 Definisi Rasuah	17
2.2 Empat Kesalahan Utama Rasuah	18
2.3 Hukuman Atau Penalti Bagi Kesalahan Rasuah	19-22
2.4 Kesalahan Menerima Hadiah	23
2.5 Kesalahan Pengubahan Wang Haram	24
2.6 Faktor-Faktor Berlakunya Rasuah	25

KANDUNGAN

3. PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

3.1 Definisi CRM	26
3.2 Pelan Strategik CRM	26
3.3 “Top-down” approach to CRM	27
3.4 Lima (5) Kepentingan Risiko Rasuah	28
3.5 Tujuh (7) Terma Rujukan CRM	29-31
3.6 Kategori Risiko Rasuah	32
3.7 Jadual 1 : Parameter Consequences	32
3.8 Jadual 2: Parameter Likelihood	33
3.9 Jadual 3 : Matrik Tahap Risiko	34

KANDUNGAN

PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

4.0 Jadual 4: Keberkesanan Kawalan	35
4.1 Contoh-Contoh Risiko Rasuah	36-37
4.2 Kenalpasti Risiko	38
4.3 NACP (National Anti-Corruption Plan)	39-42
4.4 Aspirasi Nasional	42
4.5 Episod Pencegahan Rasuah Di Malaysia	43
4.6 Objektif NACP	43
4.7 Visi NACP	44
4.8 Misi NACP	44
4.9 Enam (6) Bidang Utama NACP	44
5.0 Enam (6) Strategi NACP	45
5.1 Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dan Peranan SPRM	46-54
5.2 Unit Integriti (UI)	55-57

KANDUNGAN

II PENGURUSAN RISIKO RASUAH

6.0 PENGURUSAN RISIKO RASUAH MBK	58
6.1. Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan Keselamatan	58-61
6.2 Bahagian Belanjawan dan Perolehan	62-66
6.3 Bahagian Kawalan Pembangunan	67

KANDUNGAN

III LAMPIRAN


7. LAMPIRAN (BORANG-BORANG CRM)

7.1 Borang CRM 01	68
7.2 Borang CRM 02 - Risiko ID 01	68-69
7.3 Borang CRM 03 - Risiko ID 01	70-71
7.4 Borang CRM 04 - Risiko ID 01	72-73
7.5 Borang CRM 02 - Risiko ID 02	74-75
7.6 Borang CRM 03 - Risiko ID 02	76
7.7 Borang CRM 04 - Risiko ID 02	77
7.8 Borang CRM 02 - Risiko ID 03	78
7.9 Borang CRM 03 - Risiko ID 03	79-81
7.10 Borang CRM 04 - Risiko ID 03	82
7.11 Risk Map	83
7.12 Borang CRM 05 - Risiko ID 01	84
7.13 Borang CRM 0 5 - Risiko ID 02	85
7.14 Borang CRM 05 - Risiko ID 03	86
8. PENUTUP	87



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT) MAJLIS BANDARAYA KUANTAN






MAJLIS BANDARAYA KUANTAN



MAJLIS BANDARAYA KUANTAN



Hala tujuan matlamat Majlis Bandaraya Kuantan adalah seperti di bawah:

1.1 MISI MBK

Merealisasikan Agenda Pembangunan Ekonomi, Sosial Dan Alam Sekitar Yang Lestari Dan Berdaya Huni

1.2 VISI MBK

Kuantan Bandaraya Lestari, Inklusif, Resilien Dan Pintar.

1.3 PIAGAM PELANGGAN MBK

“Kami Berjanji Untuk Menyampaikan Perkhidmatan Yang Berkualiti Tinggi Dengan Cepak, Adil Dan Mesra”.


1.4 PIAGAM PELANGGAN KAUNTER ONE SERVE

Memberi perkhidmatan kaunter secara efisien dengan memastikan waktu menunggu tidak melebihi 45 minit pada waktu puncak dan tidak melebihi 15 minit pada waktu biasa.

PIAGAM PELANGGAN PENGENDALIAN ADUAN AWAM


- 1.5 Memastikan aduan yang diterima dicatatkan dan direkodkanke dalam sistem aduan dan surat/pemakluman pengesahan penerimaan aduan diberikan dalam tempoh 1 hari bekerja.





OBJEKTIF PENUBUHAN





OBJEKTIF PENUBUHAN


LATAR BELAKANG MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Melalui catatan sejarah, Kuantan telah wujud semenjak awal tahun 1850-an lagi. Kewujudan Kuantan pada kurun ke 19 adalah bermula sebagai penempatan.

Sistem berkerajaan tempatan mula dilaksanakan di Kuantan pada 1 Ogos 1913 dengan penubuhan Kuantan Sanitary Board yang bertanggungjawab terhadap kawalan kebersihan, kesihatan dan kawalan pembangunan. Pada tahun 1937, Kuantan Sanitary Board telah digantikan dengan Lembaga Bandaran Kuantan (Kuantan Town Board).

Setelah hampir 16 tahun berada di bawah sistem ini, Lembaga Bandaran Kuantan telah dinaiktaraf kepada Majlis Bandaran Kuantan (Kuantan Town Council) dengan kawasan pentadbiran seluas 16 km persegi sahaja iaitu tertumpu kepada Mukim Kuala Kuantan.





OBJEKTIF PENUBUHAN

LATAR BELAKANG MAJLIS BANDARAYA KUANTAN


Pada 1 September 1979, Majlis Bandaran Kuantan dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Kuantan (Kuantan Municipal Council) berasaskan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171). Pada 21 Februari 2021 sekali lagi, Majlis Perbandaran Kuantan telah dinaiktaraf kepada Majlis Bandaraya Kuantan (Kuantan City Council).

Keluasan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuantan telah diperkembangkan kepada 324 km persegi yang meliputi empat mukim iaitu Kuala Kuantan, Ulu Kuantan, Beserah dan Sungai Karang. Kawasan ini merupakan 10% daripada keluasan keseluruhan bandar Kuantan.

Daripada keluasan tersebut, 20% merupakan kawasan bercukai yang diberikan perkhidmatan perbandaran manakala bakinya merupakan kawasan pembangunan.



OBJEKTIF PENUBUHAN




LATAR BELAKANG MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Melalui catatan sejarah, Kuantan telah wujud semenjak awal tahun 1850-an lagi. Kewujudan Kuantan pada kurun ke 19 adalah bermula sebagai penempatan. Sistem berkerajaan tempatan mula dilaksanakan di Kuantan pada 1 Ogos 1913 dengan penubuhan Kuantan Sanitary Board yang bertanggungjawab terhadap kawalan kebersihan, kesihatan dan kawalan pembangunan.

Pada tahun 1937, Kuantan Sanitary Board telah digantikan dengan Lembaga Bandaran Kuantan (Kuantan Town Board). Setelah hampir 16 tahun berada di bawah sistem ini, Lembaga Bandaran Kuantan telah dinaiktaraf kepada Majlis Bandaran Kuantan (Kuantan Town Council) dengan kawasan pentadbiran seluas 16 km persegi sahaja iaitu tertumpu kepada Mukim Kuala Kuantan.





OBJEKTIF PENUBUHAN


LATAR BELAKANG MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Pada 1 September 1979, Majlis Bandaran Kuantan dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Kuantan (Kuantan Municipal Council) berasaskan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171).

Pada 21 Februari 2021 sekali lagi, Majlis Perbandaran Kuantan telah dinaiktaraf kepada Majlis Bandaraya Kuantan (Kuantan City Council). Keluasan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuantan telah diperkembangkan kepada 324 km persegi yang meliputi empat mukim iaitu Kuala Kuantan, Ulu Kuantan, Beserah dan Sungai Karang. Kawasan ini merupakan 10% daripada keluasan keseluruhan bandar Kuantan.

Daripada keluasan tersebut, 20% merupakan kawasan bercukai yang diberikan perkhidmatan perbandaran manakala bakinya merupakan kawasan pembangunan. Pentadbiran Majlis terdiri daripada 14 orang Ahli Majlis dan diketua oleh seorang Datuk Bandar.





OBJEKTIF PENUBUHAN


LATAR BELAKANG MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Ahli Majlis adalah dilantik oleh Menteri Besar Pahang. Peranan Datuk Bandar dan Pengarah Pengarah Jabatan adalah menetapkan dan melaksanakan visi, misi dasar kualiti , objektif dan aktiviti Majlis.

Lokasi Kuantan terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia di antara garis lintang 3° 49' 0" di utara dan garis bujur 102° 20' 0" di timur. Di bahagian timur ialah Laut Cina Selatan dengan panjang kawasan pantai 56 km (35 batu). Di sebelah barat ialah Daerah Maran dan Jerantut, di utara ialah Negeri Terengganu dan di selatan ialah Daerah Pekan.

Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Kuantan Keluasan Mukim 2065 KM persegi (206,500 hektar @ 510,272.6 ekar meliputi seluruh Daerah Kuantan kecuali Hutan Simpan (902 KM persegi /90,200 hektar @ 222,889.1 ekar) •Ulu Kuantan-Ulu Lepar-Kuala Kuantan-Penur-Beserah •Sungai Karang Jumlah penduduk seramai 536,800 Orang – 2020 573,400 Orang – 2025 (Jangkaan)





OBJEKTIF PENUBUHAN

LATAR BELAKANG MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

Misi Majlis Bandaraya Kuantan ialah Merealisasikan Agenda Pembangunan Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar Yang Lestari dan Berdaya Huni.

Manakala visi Majlis Bandaraya Kuantan adalah untuk menjadikan Kuantan Bandaraya Lestari, Inklusif, Resilien dan Pintar.


Piagam Pelanggan Majlis Bandaraya Kuantan “Kami Berjanji Untuk Menyampaikan Perkhidmatan Yang Berkualiti Tinggi Dengan Cepak, Adil Dan Mesra”.





FUNGSI DAN PERANAN MBK





FUNGSI DAN PERANAN

PERANCANGAN DAN KAWALAN PEMBANGUNAN BANDAR

Menentukan hala tuju dan trend pembangunan bandar raya Kuantan seiring dengan misi Majlis dan visi negeri Pahang serta memastikan semua aktiviti pembangunan dilaksanakan mengikut rancangan pemajuan yang diwartakan.


PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN AWAM (JALAN RAYA) DI DALAM KAWASAN SELIAAN MBK

Menyediakan pelan induk jalan raya yang komprehensif dan berdaya saing dengan penekanan terhadap aspek reka bentuk moden, sistematik dan pintar serta melaksanakan projek-projek Pembangunan infrastruktur dan penyelenggaraan yang berkualiti dan menepati citarasa warga bandaraya Kuantan

PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN AWAM

Mengenal pasti keperluan dari segenap lapisan masyarakat dan menyediakan infrastruktur serta kemudahan awam yang terbaik buat warga bandar raya.





FUNGSI DAN PERANAN

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG MAJLIS

Strategi advokasi dalam mendidik warga bandar rayadalam aspek pematuhan undang-undang dan peraturan yang diwujudkan bagi melahirkan sebuah bandar raya yang selamat dan sejahtera.


MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN YANG KONDUKSIF

Menyediakan perkhidmatan perbandaran dan kesihatan awam yang profesional dan berkualiti selaras dengan akta dan undang-undang kecil yang dikuatkuasakan.

PENGINDAHAN DAN KECERIAAN BANDAR

Mewujudkan persekitaran bandar raya yang indah, selesa, selamat dan bersih serta menyediakan kemudahan rekreasi yang pelbagai.





FUNGSI DAN PERANAN

PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN DAN LAIN-LAIN SUMBER-SUMBER HASIL

Menguruskan hasil cukai harta berdasarkan peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di samping meningkatkan hasil melalui punca-punca hasil lain dalam mengukuhkan kedudukan kewangan.

PENGAWALAN AKTIVITI PERNIAGAAN

Mengawal aktiviti perniagaan melalui pengeluaran lesen premis perniagaan, penajaan dan iklan selaras dengan dasar dan penguatkuasaan undang-undang yang digunapakai.

PENGURUSAN BANDAR LESTARI, PINTAR DAN BAHAGIA


Membangunkan sistem lalu lintas dan pengangkutan awam yang efisien, pintar dan sistematik bagi memberikan kepuasan pengguna jalan raya dan pejalan kaki.



FUNGSI DAN PERANAN

PEMBANGUNAN UNTUK KESEJAHTERAAN KEMASYARAKATAN

Membangunkan satu masyarakat yang progresif di mana semua rakyat menikmati kesejahteraan hidup yang tinggi, di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan Negara.







CARTA ORGANISASI



1.8 CARTA ORGANISASI

CARTA ORGANISASI MAJLIS BANDARAYA KUANTAN 2024





JABATAN-JABATAN UTAMA

MBK merupakan sebagai salah satu agensi Pihak Berkuasa Tempatan. MBK diketuai oleh seorang Datuk Bandar merupakan pentadbir utama jabatan. Untuk melaksanakan dan menguatkuasakan dasar yang telah dibuat, Pengurusan Majlis dibahagikan kepada Pejabat Datuk Bandar, 11 Jabatan dan 26 Bahagian seperti berikut:


PEJABAT DATUK BANDAR

- a) Bahagian Teknologi Maklumat
- b) Bahagian Pusat Setempat (OSC)
- c) Bahagian Integriti
- d) Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat
- e) Bahagian Audit Dalam

PENGURUSAN BANDAR LESTARI, PINTAR DAN BAHAGIA

Membangunkan sistem lalu lintas dan pengangkutan awam yang efisien, pintar dan sistematik bagi memberikan kepuasan pengguna jalan raya dan pejalan kaki.





JABATAN-JABATAN UTAMA

PEJABAT DATUK BANDAR

- a) Bahagian Teknologi Maklumat
- b) Bahagian Pusat Setempat (OSC)
- c) Bahagian Integriti
- d) Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat
- e) Bahagian Audit Dalam

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

- a) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- b) Bahagian Pentadbiran Dan Latihan


JABATAN SENIBINA

- a) Bahagian Bangunan
- b) Bahagian Penguatkuasaan Bangunan Dan Projek Khas

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

- a) Bahagian Penilaian
- b) Bahagian Pengurusan Harta Dan Sewaan
- c) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (Cob)





JABATAN-JABATAN UTAMA

JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN

- a) Bahagian Undang-Undang
- b) Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan Keselamatan
- c) Bahagian Pendakwaan

JABATAN PERANCANG BANDAR

- a) Bahagian Pembangunan Mampan Dan Penswastaan
- b) Bahagian Kawalan Pembangunan Dan Gis
- c) Bahagian Rancangan Pemajuan


JABATAN KEJURUTERAAN

- a) Bahagian Projek Dan Rekabentuk
- b) Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak
- c) Bahagian Jalan Dan Marris
- d) Bahagian Infrastruktur

JABATAN PERBENDAHARAAN

- a) Bahagian Belanjawan Dan Perolehan
- b) Bahagian Kewangan Dan Akaun
- c) Bahagian Cukai Dan Hasil





JABATAN-JABATAN UTAMA

JABATAN KEMASYARAKATAN DAN PELANCONGAN

- a) Bahagian Komuniti Dan Sukan
- b) Bahagian Pelancongan Dan Kebudayaan

JABATAN LANDSKAP

- a) Bahagian Pembangunan Landskap
- b) Bahagian Penyelenggaraan Landskap


JABATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

- a) Bahagian Pengurusan Bangunan
- b) Landskap Bahagian Penyelenggaraan
- c) Bahagian Mekanikal Dan Pengangkutan

JABATAN KAWALAN PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN


- a) Bahagian Pelesenan
- b) Bahagian Penjaja
- c) Bahagian Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan Persekitaran





RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH





RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH

DEFINISI RASUAH

Penerimaan atau pemberian suapan (rasuah) bertujuan supaya seseorang itu melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.


BENTUK SUAPAN



Rasuah juga dikenali sebagai

Makan suap • Tumbuk rusuk • Under Counter • Money Minyak
• Pelincir • Duit Kopi





RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH

EMPAT KESALAHAN UTAMA RASUAH



Berdasarkan ASPRM2009(Akta694), terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu:


Meminta/Menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a) ASPRM 2009]

Memberi suapan [seksyen 17(b) ASPRM 2009]

Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 ASPRM 2009]

Salah guna kuasa [Seksyen 23 ASPRM 2009]





RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH

a. Meminta/Menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a) ASPRM 2009]

Mana-mana orang atau ejen meminta/menerima suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.

Contoh kes.


i. Datuk Harun Idris (bekas Menteri Besar Selangor)

Kesalahan meminta menerima rasuah berjumlah RM 250,000.00 daripada HSBC berbentuk derma politik untuk kelulusan pemberian milik sebidang tanah Negeri Selangor untuk projek pembinaan ibu pejabat HSBC. Dihukum penjara 2 tahun dan wang RM250,000.00 dipulangkan kepada kerajaan.

ii. Haji Hassan Basri (Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh)

Kesalahan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM 13,000.00 sebagai upah meringankan pesalah syarie dan melepaskan wang jaminan mahkamah. Beliau turut meminta dan menerima rasuah bagi meluluskan permohonan poligami. Hakim Hassan telah dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun dan denda RM 210,000.00. Kes dirayu ke Mahkamah Rayuan dan keputusannya hukuman penjara dikurangkan kepada 6 tahun manakala denda kekal.





RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH


b. Memberi suapan [seksyen 17(b) ASPRM 2009]

Mana-mana orang menawarkan /memberikan rasuah kepada seorang ejen/pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan sesuatu perkara berkaitan hal ehwal ejen/pegawai tersebut.

Contoh kes:

R.Suren, seorang pelajar kolej swasta dituduh di Mahkamah Sesyen atas pertuduhan , Pertuduhan Pertama, Suren didakwa bersetuju memberikan rasuah wang tunai RM4,600.00 kepada Ketua Bahagian siasatan narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cheras, ASP Nik Ezanee Mohd Faisal sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadapnya yang ditahan atas kesalahan dadah dan pertuduhan kedua didakwa menawarkan suapan berjumlah RM10,00.00 kepada Nik Ezanee bagi tujuan yang sama ditempat dan waktu yang sama iaitu di Tingkat 1, Blok C Pejabat Operasi Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Cheras, kira-kira jam 8.30 malam, 26 September 2013. Suren didakwa mengikut seksyen 17 (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM 10,000.00 yang mana lebih tinggi.





RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH


c. Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 ASPRM 2009]

Mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (contohnya pesanan kerajaan, resit dan invois, tuntutan elaun perbatuan dan tuntutan elaun lebih masa) yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya (pejabat/majikan)

Contoh kes:

YB Yap Soo Sun (ADUN Teratai) dan pembantunya Firdaus telah mengemukakan tujuh tuntutan palsu melibatkan RM70,00.00 berhubung program mesra rakyat yang kononya dilaksanakan sempena Tahun Baru Cina dan sambutan Thaipusam. Padahal sebenarnya, program-program tersebut tidak pernah dibuat. Kedua-duanya dihukum penjara 2 tahun dan denda RM 350,000.00. Mahkamah Tinggi kekalkan hukuman dalam keputusan pada September 2016.





RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH

d. Salah guna kuasa [Seksyen 23 ASPRM 2009]


Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya melakukan sesuatu jenayah.

Contoh kes :

Dato' Waad Mansor (EXCO Negeri Sembilan) terlibat membuat keputusan meluluskan projek kuari kepada Syarikat Teraju Nusantara . Isterinya merupakan salah seorang pengarah syarikat tersebut. Mahkamah Persekutuan memutuskan hukuman penjara 2 tahun dan denda RM15,000.00

Dato' Sahar Arpan (EXCO Negeri Melaka) terlibat dengan membuat keputusan bagi meluluskan permohonan tanah kepada syarikat proksi beliau. Dipenjara 2 tahun dan denda RM20,000.00.





RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH


2.4 Kesalahan Menerima Hadiah (Seksyen 165 Kanun Keseksaan)

Kesalahan pegawai awam menerima barang bernilai tanpa balasan setimpal daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengannya. Hukuman penjara 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Contoh kes:

Bekas MB Selangor , Dr Mohd Khir Toyo dituduh (s.165 KK) kerana telah mendapatkan untuk dirinya dan isterinya dua lot tanah dan sebuah rumah di Shah Alam daripada Ditamas S.B dengan harga RM 3.5 juta sedangkan hartanah tersebut telah dibeli oleh Ditamas S.B pada tahun 2004 dengan harga RM 6.5 juta . Pada masa itu, beliau mengetahui bahawa Shamsudin bin Hayroni iaitu Pengarah Ditamas S.B mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasminya. Dr. Khir didapati bersalah . Mahkamah Persekutuan memutuskan beliau dihukum penjara 12 bulan dan rumah banglo milik beliau dilucuthak.





RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH

2.5 Kesalahan Penggubahan Wang Haram

Kesalahan Pegawai Awam : Sebarang transaksi pembelian atau pelaburan dengan menggunakan hasil rasuah merupakan bentuk penggubahan wang haram dan satu jenayah dibawah Akta Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2011. Hukuman denda tidak melebihi RM 5 juta atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. Penggubahan wang haram


Contoh kes :

Hasbie Satar merupakan Setiausaha Sulit Kanan kepada YB mantan Menteri Kewangan ii (Tan Sri Nor Mohamed Yakcop)

Bagaimana : Telah menggunakan kedudukannya untuk meminta / menerima komisen (melalui proksi) daripada kontraktor – kontraktor yang memohon projek dibawah MOF bagi mendapatkan kelulusan projek.

Bentuk : 1% - apabila surat kelulusan MOF dikeluarkan. 2% apabila surat niat telah dikeluarkan dan 2% apabila kontraktor menerima surat tawaran MOF. Semasa siasatan, telah ditemui wang tunai RM2,134,656.00 dan telah dituduh dengan 28 pertuduhan dibawah AMLATFA 2001. Rumah banglo dan rumah kedai yang bernilai RM 4.6 juta telah di lucut hak.





RASUAH ATAU KESALAHAN RASUAH

2.6 Faktor-Faktor Rasuah Berlaku






PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM))



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



3.1 Definisi CRM

CRM merupakan alat pengurusan (Management Tools) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan anti rasuah dan mendukung nilai integriti. Manakala definisi risiko mencakupi “kesan ketidakpastian kepada objektif” . Sesuatu risiko juga disebut dalam terma peristiwa (event) atau (circumstance) dan diikuti dengan akibat. Risiko juga dinyatakan dalam terma akibat dan kebarangkalian.

3.2 Pelan Strategik CRM


Pelaksanaan CRM akan memudahkan pembentukan Pelan Strategik Integriti Organisasi kerana dapat membantu mengenalpasti isu-isu rasuah dan kelemahan tadbir urus yang wujud dalam organisasi. Membantu organisasi untuk kenalpasti risiko-risiko rasuah yang telah, sedang dan mungkin akan berlaku dan seterusnya menghasilkan Pelan Pengurusan Anti Rasuah.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



3.3 “Top-down” approach to CRM




PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



3.4 Lima (5) kepentingan risiko rasuah



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)




3.5 Pengurusan Pelanggan



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)

Justifikasi tujuh (7) Terma Rujukan CRM



1. Dasar dan Perundangan

Dasar dan Perundangan disesuatu organisasi menjadi satu aspek yang penting dalam menentukan halatuju pengurusan risiko didalam satu- satu organisasi. Ianya boleh mengelak kelemahan tatakelola sesuatu organisasi, seterusnya mewujudkan dan mendokumenkan Pelan Strategik bagi meningkatkan amalan tadbir urus terbaik. Amalan ini berupaya mengatasi karenah birokrasi kearah pencapaian perkhidmatan awam yang berintegriti, amanah, jujur, responsif dan telus kepada pelanggan.

2. Sistem dan Prosedur Kerja

Mengenalpasti dan mengkaji kelemahan dan prosedur kerja yang telah ketinggalan zaman, rumit, lapuk, terlalu banyak budi bicara tanpa had dan garis panduan dan karenah birokrasi. Ia menjadi penyumbang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



3.7 Penghargaan

Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pegawai yang menunjukkan perkhidmatan cemerlang dan menunjukkan nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti sukarela, memberi nasihat dan bimbingan agama serta mereka yang melaporkan kes-kes rasuah, penyelewengan dan salah laku dalam kementerian, jabatan dan agensi.

	PEROLEHAN	Bertanggungjawab memperoleh keperluan agensi daripada pihak ketiga menggunakan wang yang diperuntukkan.
	PELABURAN	Bertanggungjawab dalam aktiviti pelaburan bagi menjana pulangan.
	PEMBINAAN	Bertanggungjawab mengurus projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal.
	PELESENAN	Bertanggungjawab memastikan kegiatan perniagaan dilesenkan.
	PENGUATKUASAAN	Bertanggungjawab memastikan undang-undang dan peraturan yang ditadbir oleh Jabatan dipatuhi sepenuhnya.
	PENGURUSAN TANAH	Bertanggungjawab memberi perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran tanah.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



3.7 JADUAL 1 : PARAMETER CONSEQUENCES

FAKTOR	IMPAK (Consequences)				
	 TIDAK BERKESAN (Insignificant)	 KECIL (Minor)	 SEDERHANA (Moderate)	 BESAR (Major)	 MEMUSNAHKAN (Catastrophic)
Contoh Pengukuran Risiko					
 IMEJ / REPUTASI	Tidak menyokong, impak rendah, tidak menjadi berita.	Menyokong, impak rendah, berita profil rendah.	Menyokong, mengabaikan pada orang ramai, berita profil sederhana.	Menyokong, mengabaikan pada orang ramai, berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga.	Menyokong, mengabaikan pada orang ramai, penyebaran meluas berita profil tinggi, tindakan pihak ketiga, pendedahan luar.
 ADUAN AWAM	< 5 per bulan	6–10 per bulan	11–20 per bulan	21–50 per bulan	> 50 per bulan
 PERUNDANGAN / PEMATUHAN	Denda minima.	Denda sederhana.	Denda banyak.	Denda banyak, mungkin termasuk pertuduhan jenayah.	Pemeriksaan dan penyiasatan besar.
 IMPAK RISIKO / USAHA PENGURUSAN	Impak boleh diserap melalui aktiviti biasa/normal.	Peristiwa merugikan yang masih boleh diserap melalui usaha pihak pengurusan.	Perkara serius yang memerlukan usaha tambahan daripada pengurusan.	Peristiwa kritikal yang memerlukan usaha luar biasa pengurusan.	Malapetaka yang berpotensi menyebabkan kemusnahan atau kejatuhan (collapse).
 Nota: Penilaian impak membantu organisasi memahami kesan sesuatu risiko dan menentukan keutamaan pengurusan risiko yang bersesuaian.					



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



3.8 JADUAL 2: PARAMETER LIKEHOOD

PENERANGAN	PENERANGAN KEBARANGKALIAN RISIKO
 Hampir Pasti Berlaku (Almost Certain)	 Peristiwa dijangkakan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya kemungkinan berlaku lebih 95% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
 Kemungkinan Berlaku (Likely)	 Peristiwa berkemungkinan berlaku dalam banyak keadaan, contoh ianya berlaku di atas di antara 50% dan 94% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
 Sederhana (Moderate)	 Peristiwa mungkin berlaku dalam beberapa keadaan, contoh berlaku di antara 25% dan 49% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
 Kemungkinan Kecil Berlaku (Unlikely)	 Peristiwa boleh berlaku dalam beberapa keadaan, contoh antara 5% dan 25% dalam tempoh 12 bulan akan datang.
 Jarang (Rare)	 Peristiwa mungkin berlaku hanya dalam keadaan luar biasa, contoh di bawah 5% berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



3.9 JADUAL 3 : MATRIK TAHAP RISIKO

 Impak  Kebarangkalian		IMPAK				
		 Tidak Berkesan (Insignificant)	 Kecil (Minor)	 Sederhana (Moderate)	 Besar (Major)	 Kemusnahan (Catastrophic)
KEBARANGKALIAN						
 Hampir Pasti Berlaku (Almost Certain)		Signifikan (Significant)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)	Tinggi (High)	Tinggi (High)
 Kemungkinan Berlaku (Likely)		Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)	Tinggi (High)
 Sederhana (Moderate)		Rendah (Low)	Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)	Tinggi (High)
 Kemungkinan Berlaku Kecil (Unlikely)		Rendah (Low)	Rendah (Low)	Sederhana (Moderate)	Signifikan (Significant)	Tinggi (High)
 Jarang (Rare)		Rendah (Low)	Rendah (Low)	Rendah (Low)	Signifikan (Significant)	Signifikan (Significant)

 Rendah (Low)
  Sederhana (Moderate)
  Signifikan (Significant)
  Tinggi (High)

Nota:
Tahap risiko ditentukan berdasarkan kombinasi kebarangkalian sesuatu peristiwa dan impaknya terhadap organisasi.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



4.0 JADUAL 4: KEBERKESANAN KAWALAN

Penilaian keberkesanan kawalan organisasi dalam menangani risiko tertentu dibuat selepas ambil pertimbangan kepada keadaan persekitaran faktor luaran



MEMUASKAN

Kawalan sedia ada mantap dan beroperasi dengan berkesan bagi memberikan tahap keyakinan yang munasabah dalam memastikan pencapaian objektif.



ADA KELEMAHAN

Sesetengah kawalan dikenal pasti mempunyai kelemahan atau kurang efisien. Walau bagaimanapun, kelemahan tersebut tidak membawa kepada risiko yang serius. Penambahbaikan diperlukan bagi memastikan pencapaian objektif.




LEMAH

Kawalan yang ada tidak memenuhi standard yang boleh diterima kerana wujud banyak kelemahan atau tidak efisien. Kawalan tidak dapat memberikan jaminan terhadap pencapaian objektif.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



4.1 CONTOH-CONTOH RISIKO RASUAH

a. Contoh Risiko Rasuah Perolehan

Kebocoran maklumat tender / sebutharga / kontrak.

Melanggar Peraturan Kewangan.

Bayaran dibuat bekalan tidak diterima / tidak ikut spesifikasi.

Pembaziran pembelian peralatan.

Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan melibatkan kos yang tinggi dan tidak munasabah.

Salahguna kuasa dalam pemilihan tender dan sebutharga.

Pakatan dengan kontraktor / pembekal. 'Conflict Of Interest' dalam pemilihan kontrak.

b. Contoh Risiko Rasuah Pembinaan

Pembinaan tanpa kelulusan.

Pengubahsuaian premis tanpa kelulusan.

Menyembunyikan kesalahan kontraktor.

Mengambil pekerja binaan tanpa permit yang sah.

Menukar bahan binaan tanpa kebenaran.

Pembinaan tidak mengikut spesifikasi.

c. Contoh Risiko Rasuah Pelesenan

Tidak mengambil tindakan salahguna lesen.


Menerima rasuah dalam proses kelulusan lesen.

Menyembunyikan kesalahan pelanggaran lesen.

Mengutip wang rasuah secara bulanan.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



4.1 CONTOH-CONTOH RISIKO RASUAH

d. Contoh Risiko Rasuah Penguatkuasaan

Melindungi penyalahgunaan lesen perniagaan.

Membuat pakatan dengan agen / tonto.

Salahguna kuasa dan penggunaan budibicara.

Tidak mengambil tindakan dan menyembunyikan kesalahan (saman).

e. Contoh Risiko Rasuah Pengurusan Tanah

‘Conflict of interest’ dalam kelulusan tanah.

Melewatkan proses pindah milik tanah.

Tidak mengambil tindakan pencerobohan tanah kerajaan.


Pindah milik tanah secara tidak sah

Menerima rasuah dari agen-agen hartanah untuk mempercepatkan urusan pindah milik tanah.




PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)

4.2 KENALPASTI RISIKO



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



4.3 NACP (National Anti-Corruption Plan)

Idea asal pelan ini tercetus semasa Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 di mana Pakatan Harapan memberikan penekanan kepada usaha untuk memastikan Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Usai PRU-14, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 8 Jun 2018 telah memutuskan bahawa satu pelan antirasuah yang menyeluruh perlu dirangka dengan segera untuk menangani isu berkaitan rasuah di negara ini. Maka terhasillah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) sebagai dokumen utama Kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah. Visi NACP adalah untuk mewujudkan negara bebas rasuah melalui penetapan tiga matlamat khusus iaitu Kebertanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang; Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan responsif; dan Integriti dalam Perniagaan.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)




4.3 NACP (National Anti-Corruption Plan)

Tidak dinafikan, Malaysia perlu menangani gejala rasuah dengan segera dan mewujudkan sistem Kerajaan yang berintegriti tinggi demi kestabilan negara dan kesejahteraan rakyat. Hal ini juga diperakui bahawa rasuah telah membawa banyak kepincangan. Amalan rasuah perlu dihapuskan sepenuhnya daripada sistem pentadbiran bagi mengembalikan kestabilan dan kepercayaan terhadap Kerajaan. Ke arah itu, Kerajaan telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi nasional iaitu ke arah negara yang bebas rasuah selaras dengan aspirasi negara untuk dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan akan mewujudkan dan menzahirkan usaha pencegahan rasuah yang lestari di negara ini untuk tempoh lima tahun akan datang. Kerajaan akan menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan NKRA – “Membanteras Rasuah”, dengan NACP yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)




4.3 NACP (National Anti-Corruption Plan)

NACP diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan ketidakstabilan ekonomi negara. NACP akan memacu ke arah peningkatan ketelusan, dengan menerapkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur di kedua-dua sektor awam dan swasta di negara ini. Pelan ini juga bertujuan menghapuskan penyalahgunaan kuasa, mengekang campur tangan politik, menghentikan kronisme dan nepotisme serta menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus. Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif ini diyakini mampu meningkatkan tahap ketelusan dan integriti Kerajaan sekaligus meningkatkan persepsi antarabangsa terhadap Malaysia. Beberapa bidang berisiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenalpasti melalui kajian dan analisis terperinci terhadap data dan dapatan kajian daripada pelbagai sumber serta sesi Perancangan Senario (Scenario Planning).



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



4.3 NACP (National Anti-Corruption Plan)


Hasilnya, NACP menggariskan sebuah kerangka yang memayungi strategi yang menyeluruh dalam memerangi rasuah. Antara inisiatif yang dirangka termasuklah memastikan setiap pemegang taruh menangani permasalahan rasuah di organisasi masing-masing melalui pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

4.4 Aspirasi Nasional

“Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”.Sehubungan dengan itu, negara memerlukan satu strategi untuk pencegahan rasuah, governans 24 dan integriti yang sistematik dan didokumenkan berdasarkan risiko-risiko rasuah yang telah dikenalpasti.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



4.5 Episod Pencegahan Rasuah Di Malaysia

Pelan Integriti Nasional (PIN) - 2004

Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0- 2010

Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 -2012

Pelan Antirasuah Nasional (NACP)- 2019-2023

Strategi Antirasuah Nasional (NACS)- 2024-2028

4.6 Objektif NACP

Menyediakan hala tuju dan kerangka Tindakan pencegahan rasuah yang berstruktur dan jelas

Mewujudkan sinergi antara pelbagai agensi dalam memaksimumkan penggunaan pelbagai sumber dan idea dalam Tindakan pemantapan integriti, tadbir urus dan anti rasuah



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



4.7 Visi NACP

Ke Arah Negara Bebas Rasuah

4.8 Misi NACP

Menegakkan Kedaulatan Undang-Undang

Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan Dan Akauntabiliti Kerajaan

Berasaskan Tadbir Urus Yang Baik

Mewujudkan Persekitaran Perniagaan yang Bersih

4.9 Enam (6) Bidang Utama NACP

SUMBER MAKLUMAT PENILAIAN RISIKO RASUAH



TADBIR URUS POLITIK

Dasar, keputusan dan arahan daripada pihak politik yang memberi kesan kepada organisasi.



SEKTOR PERKHIDMATAN AWAM

Arahan, pekeliling, garis panduan dan peraturan daripada kerajaan atau agensi pusat.



PEROLEHAN AWAM

Proses perolehan, kontrak dan pengurusan pembekal serta perkhidmatan.



PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN

Undang-undang, peraturan dan keputusan kehakiman yang berkaitan.



PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Maklumat daripada agensi penguatkuasa berkenaan siasatan, tangkapan, pendakwaan dan hukuman.



TADBIR URUS KORPORAT

Struktur, proses dan amalan tadbir urus organisasi yang mempengaruhi pengurusan risiko dan integriti.

Maklumat daripada sumber-sumber ini membantu organisasi mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko rasuah dengan lebih efektif.

PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



5.0 ENAM (6) STRATEGI NACP


ENAM STRATEGI UTAMA

Memperkukuh Tadbir Urus dan Integriti Dalam Organisasi

- | | | |
|----------------------|---|--|
| STRATEGI
1 |  | Memperkukuh Akauntabiliti dan Integriti Politik |
| STRATEGI
2 |  | Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan awam |
| STRATEGI
3 |  | Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan awam |
| STRATEGI
4 |  | Mempertingkatkan Kredibiliti sistem Perundangan dan Kehakiman |
| STRATEGI
5 |  | Mengistitusiakan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang |
| STRATEGI
6 |  | Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Korporat |



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)




5.1 Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dan Peranan SPRM

Menerusi NACP yang merupakan pelan induk di peringkat kebangsaan, program disokong dengan Pelan Antirasuah Organisasi atau Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) yang merupakan inisiatif mandatori sama ada di peringkat agensi awam atau agensi swasta yang berkaitan seperti Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia di Malaysia.

Perkara itu dinyatakan secara jelas menerusi dua strategi daripada enam strategi yang dirangka dalam NACP tersebut iaitu pada Strategi 2: Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam; dan Strategi 6: Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Korporat.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)



5.1 Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dan Peranan SPRM

Malah kewujudan OACP ini jelas memperlihatkan kesungguhan dan komitmen sesebuah agensi awam atau swasta untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang berintegriti serta keberkesanannya. OACP ini diwujudkan sebagai satu platform yang sistematik dalam menangani isu rasuah dengan komitmen pengurusan tertinggi agensi dalam pencegahan rasuah dan mekanisme pelaporan kepada pengurusan tertinggi yang dibuat secara berkala.

Tujuan utama OACP ini dibangunkan ialah bagi menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam sesebuah agensi awam dan swasta yang melibatkan semua bidang dan aktiviti, khususnya yang berisiko dalam organisasi terbabit.



PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)




5.1 Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) dan Peranan SPRM

Ini boleh dijadikan sebagai asas atau persiapan kepada organisasi komersial dalam mewujudkan tatacara mencukupi selaras dengan peruntukan Labiliti Korporat di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

